




**PELAJARAN ASAS FARDU AIN (PAFA)
KELAB RAKYAT MALAYSIA JUBAIL**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SUBJEK SIRAH
KATEGORI C (9 - 12 TAHUN)
2021/2022**

ARAHAN KEPADA MURID DAN IBU BAPA:

1. KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 50 SOALAN
2. SILA JAWAB SEMUA SOALAN
3. MURID DILARANG MERUJUK BUKU ATAU NOTA KETIKA MENJAWAB SOALAN
4. MURID HENDAKLAH JUJUR DAN AMANAH KETIKA MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN INI
5. IBUBAPA DILARANG MEMBERI JAWAPAN KEPADA MURID
6. IBUBAPA HANYA DIBENARKAN MEMBACA SOALAN SAHAJA KEPADA MURID

NAMA : _____ KELAS : _____



BAHAGIAN A

Arahan : Pilih jawapan yang BETUL pada setiap soalan yang diberi.

1. Nabi Muhammad SAW pergi ke semata-mata untuk beribadah.
A. Gua Thur
B. Gua Hira'
C. Gua Musang
2. Turunnya wahyu yang pertama pada tahun ke empat puluh kelahiran Nabi Muhammad SAW.
A. 17 Ramadan
B. 17 Syawal
C. 17 Rabiul awal
3. Malaikat memberi salam lalu memeluk baginda Nabi SAW.
A. Mikail
B. Israfil
C. Jibril
4. Nabi Muhammad SAW berdakwah secara sulit selama tiga tahun dan mengajarkan agama Islam di rumah
A. Ali Bin Abi Tholib
B. Abu Bakar Assiddiq
C. Al-Arqam Bin Abi Arqam
5. Jihad yang dituntut oleh Islam adalah seperti
A. menuntut ilmu.
B. berbuat baik.
C. melawan pemimpin.

6. Siapakah yang memimpin tentera Quraisy dalam Perang Badar?
 - A. Abu Sufian bin Harb.
 - B. Abu Jahal bin Hisyam.
 - C. Khalid bin Al Walid.
7. Apakah pertolongan Allah ketika perang Badar ?
 - A. Hujan yang menyukarkan perjalanan tentera Islam.
 - B. Menurunkan 1000 malaikat yang diketuai oleh malaikat Jibrail AS.
 - C. Rasa mengantuk menyebabkan tentera musyrikin tidur.
8. Siapakah Abdulah Bin Ubay ?
 - A. Orang Islam.
 - B. Orang Yahudi.
 - C. Orang Munafik.
9. Apakah gelaran lain untuk Perang Khandak ?
 - A. Perang Ahzab.
 - B. Perang Uhud.
 - C. Perang Badar.
10. Siapakah yang mencadangkan agar menggali parit sepanjang jalan masuk ke Madinah ?
 - A. Nuaim Bin Mas'ud.
 - B. Abu Ubaidah Bin Jarrah.
 - C. Salman Al Farisi.

/ 10

BAHAGIAN B

Arahan: Padankan tarikh berlakunya peperangan dan peristiwa berikut.

1.	Perang Badar	15 Syawal tahun ke 5 Hijrah
2.	Perang Uhud	17 Ramadan tahun ke 40 kelahiran Nabi SAW
3.	Perang Khandak	17 Ramadhan tahun ke 2 Hijrah
4.	Wahyu pertama	27 Rejab tahun ke 12 baginda bergelar Rasul
5.	Israk dan Mikraj	Bulan Syawal tahun ke 3 Hijrah

Arahan: Padankan nama sahabat yang telah dipersaudarakan oleh Rasulullah SAW di kalangan Muhajirin dan Ansar.

<u>Muhajirin</u>		<u>Ansar</u>	
Jaafar Bin Abi Thalib		Kharijah Bin Zuhair	6
Abu Bakar As-Siddiq		Utbah Bin Malik	7
Umar Bin Al-Khotob		Muaz Bin Jabal	8
Abdul Rahman Bin Auf		Aus Bin Thabit	9
Uthman Bin Affan		Saad Bin Rabi'	10

/ 10

BAHAGIAN C

Arahan: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang BETUL.



1. Diantara strategi Perang Badar ialah menguasai _____ yang merupakan sumber minuman.
2. Tentera Islam _____ dalam Perang Uhud kerana melanggar arahan Rasulullah SAW.
3. Tentera Islam _____ dalam Perang Badar kerana mendapat bantuan daripada Malaikat yang dihantar oleh Allah SWT.
4. Khandak bermaksud _____ yang telah dibina oleh orang Islam sebagai benteng pertahanan.
5. Terdapat dua tempat perpindahan umat _____ yang diceritakan oleh sejarah Islam.
6. Tempat perpindahan umat Islam yang pertama ialah _____.
7. Manakala tempat perpindahan umat Islam yang kedua pula ialah _____.
8. Mukjizat Nabi Muhammad SAW yang terbesar ialah _____.
9. Mukjizat terbahagi kepada dua iaitu mukjizat Maknawi seperti Al-Quran dan mukjizat Hissi seperti _____.
10. _____ merupakan perkara yang luar biasa yang dialami oleh Rasulullah SAW yang berlaku pada 27 Rejab tahun ke 12 kerasulan.

BAHAGIAN D

Arahan: Pilih BETUL pada jawapan yang BETUL dan SALAH pada jawapan yang SALAH.

1. Nabi Muhammad SAW telah berdakwah selama 23 tahun iaitu 10 tahun di Mekah dan 13 tahun di Madinah.

2. Jihad terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Jihad Akbar (Besar) dan Jihad Asghor (Kecil).

3. Contoh Jihad Akbar (Besar) seperti segera bangun daripada tidur apabila azan subuh dilaungkan.

4. Allah SWT menjanjikan ganjaran syahid kepada umat Islam yang berjihad pada jalan Allah SWT.

5. Abu Jahal Bin Hisyam antara yang mati syahid didalam perang Badar.

6. Seramai 1000 orang tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah SAW di dalam Perang Badar.

7. Antara sebab berlakunya Perang Badar adalah bagi mendapatkan semula harta orang Islam yang telah dirampas oleh Musyrikin Mekah.

8. Ketika perang Uhud tentera pemanah dibenarkan untuk meninggalkan tempat masing-masing walaupun tanpa arahan Rasulullah SAW.

9. Rasulullah SAW cedera pada muka, bibir, pipi dan lutut ketika terjatuh kedalam perangkap semasa perang Uhud.

10. Perang Uhud merupakan perang yang ke dua didalam sejarah Islam selepas hijrah nabi SAW ke Madinah.

BAHAGIAN E

Arahan : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang BETUL.

1. Kaum Yahudi Bani _____ telah diusir kerana memungkiri janji.
[Bakar / Nadhir]
2. Kaum Yahudi Bani Nadhir tidak berpuas hati selepas diusir dari _____.
[Madinah / Mekah]
3. Rasulullah SAW mengarahkan _____ untuk memecah-belahkan tentera bersekutu. [Nuaim Bin Masud / Salman Al-Farisi]
4. Rasulullah SAW bersama para sahabat menggali _____. [telaga / parit]
5. Orang kafir Quraisy sangat _____ kepada orang Islam. [suka / benci]
6. Sebelum peristiwa Israk dan Mikraj hati Nabi Muhammad SAW telah dicuci dengan _____ oleh Malaikat. [air Zamzam / air mutlak]
7. Rasulullah SAW pergi ke Masjid Al-Aqsa dengan menaiki _____. [buraq / kuda]
8. Perjalanan Rasulullah SAW semasa Israk dan Mikraj selama _____.
[satu malam / dua malam]
9. Nabi ditemani oleh malaikat _____ semasa Israk Mikraj. [Israfil / Jibril]
10. Baginda kembali semula ke Masjidil Haram _____ subuh.
[sebelum / selepas]

/ 10

Disediakan oleh,



(Mohd Azman Bin Zakaria)
Mua'alim PAFA DMC
Sesi 2021/2022

Disemak oleh,



(Hjh. Sh Faridah Hanim bt Tg Embong)
Guru Besar PAFA
Sesi 2021/2022